

29/09/2000

Selangor tuan rumah Hari Alam Sekitar

SHAH ALAM, Khamis - Selangor akan menjadi tuan rumah Hari Alam Sekitar yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 Oktober depan.

Yang DiPertua Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA), Datuk Emran Kadir, berkata pelbagai program sudah diatur bagi menjayakan Hari Alam Sekitar itu yang diadakan di Dataran Shah Alam.

"Semua kelengkapan dan program sedang disediakan," katanya ketika mempengerusi Mesyuarat Penuh MPSA yang terakhir di sini, hari ini. Mulai 10 Oktober Shah Alam akan isytiharkan sebagai bandar raya.

(END)